

# IPTA sokong pengawal diberi kuasa polis bantuan

## Kampus universiti kini menjadi tumpuan masyarakat guna kemudahan

Oleh Syuhada Choo Abdullah

**P**ENGAWAL keselamatan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) wajar diberi kuasa polis bantuan sejajar dengan perkembangan kawasan kampus yang semakin sibuk dan terbuka kepada orang ramai.

Pengerusi Majlis Naib Canselor Universiti Malaysia, Prof Datuk Dzulkifli Abdul Razak, berkata langkah itu dapat membantu tugas pengawal mempertingkatkan keselamatan di kampus dalam menangani risiko keadaan itu.

Beliau yang juga Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) berkata, kampus kini menjadi antara kawasan tumpuan masyarakat, terutama untuk menggunakan kemudahan seperti bank serta pejabat pos.

"Justeru, cadangan memberikan kuasa polis bantuan kepada pengawal keselamatan di IPTA adalah baik.

Dengan ini, diharap orang ramai akan lebih peka ketika berurusan dalam kawasan kampus.

"Tanpa kuasa itu, ada pihak yang mungkin bersikap memandang ringan terhadap pengawal keselamatan di universiti," katanya kepada *Berita Harian*.

Beliau mengulas laporan akhbar Khamis lalu yang memetik Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Shafie Mohd Salleh, sebagai berkata pengawal keselamatan di semua IPTA akan diberikan kuasa polis bantuan sebagai langkah jangka panjang mempertingkatkan keselamatan kawasan kampus.

Dr Shafie berkata, pihak universiti sedang menyediakan kertas cadangan itu sebelum dikemukakan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untuk kelulusan.

Aspek keselamatan dalam kawasan kampus menjadi tumpuan selepas kejadian 28 Januari lalu, di mana lima lelaki bersenjatakan em-

**“** *Cadangan itu patut dipertimbangkan secara serius kerana ia boleh membantu mencegah pelanggaran undang-undang dalam kawasan kampus”*

**Nik Mustapha R Abdullah**  
Naib Canselor UPM

pat pistol dan senapang patah menyamun wang tunai kira-kira RM2 juta dari sebuah van syarikat kawalan keselamatan di Kompleks Perdana Siswa, Universiti Malaya.

Sambil menyifatkan kejadian itu sebagai terpercail, Dzulkifli menegaskan, kampus tetap sebagai kawasan selamat, lebih-lebih lagi dengan inisiatif universiti mempertingkatkan kawalan keselamatan masing-masing.

Malah di USM, beliau berkata, kira-kira 70 pelajar sedang menjalani latihan sebagai sukarelawan polis dalam kawasan kampus dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia, sejak Julai lalu.

"Program ini juga sebahagian daripada kegiatan kokurikulum dan pelajar terbabit sudah mula menjalankan tugas untuk membantu kawalan keselamatan di kawasan tertentu dalam kampus. Lebih menarik lagi, pelajar terbabit berpeluang memasuki kerjaya sebagai pegawai polis kelak," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah, turut menyokong cadangan memberikan kuasa polis bantuan kepada pengawal keselamatan dalam kawasan kampus.

Malah berdasarkan pengalamannya sendiri ketika mengikuti pengajian di Amerika Syarikat, beliau berkata, ada polis kampus yang bertugas di universiti sehingga memiliki kuasa untuk mengeluarkan saman.

"Justeru, cadangan ini memang patut dipertimbangkan secara serius kerana ia boleh membantu mencegah pelanggaran undang-undang dalam kawasan kampus. Cuma yang penting, kuasa itu jangan disalahgunakan.

"Setakat ini, UPM tidak ketinggalan mempertingkatkan kawalan keselamatan dalam kawasan kampus mengikut prosedur pengiktirafan MS ISO yang diperoleh Bahagian Keselamatan," katanya.